



LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2019

LAPORAN TAHUNAN 2019

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN





www.ilkap.gov.my

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP	6
Kata Pengantar Ketua Pengarah ILKAP	8
Maklumat Korporat • Objektif, Fungsi, Visi, Misi dan Piagam Pelanggan • Struktur Organisasi ILKAP • Lembaga Pengurusan ILKAP 2019 • <i>Stakeholders</i> dan Pelanggan • Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP	11
Bahagian Latihan • Program Perundangan • Program Litigasi • Program Kehakiman • Program Penasihat • Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	19
Bahagian Pengurusan • Seksyen Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan • Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset • Seksyen Teknologi Maklumat	31
Bahagian Maklumat	37
Unit Penyelidikan dan Inovasi	41
Unit Integriti	51
Laporan Khas • Laporan Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP 2019 • Program ILKAP <i>International Speaker Series</i> (ISS) 2019 • Program <i>Outreach</i> 2019 • Penerbitan "<i>Facilitator's Guide – Judges, prosecutors and legal aid practitioners' training on forced labour</i>" • Program Institut Latihan Awam (ILA) 2019	55
Laporan Pencapaian • Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 • Anugerah Penjawat Contoh Dwi-Tahunan (APCD) Januari – Jun 2019 • Anugerah Penjawat Contoh Dwi-Tahunan (APCD) Julai – Disember 2019	63
Sidang Redaksi	66

A portrait of Datuk Seri Mohd Zuki Bin Ali, a man with a mustache and glasses, wearing a dark blue suit, white shirt, and teal tie. He is seated at a dark desk, holding a pen over a notepad. The Malaysian flag is visible in the background to the left. The image has a dark, moody lighting with some light streaks in the upper left corner.

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

PERUTUSAN Pengerusi LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, taufik, hidayah serta inayahNya kita masih berada dalam keadaan sihat dan sejahtera dalam lindunganNya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga dan para sahabatnya.

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Mac 1992 dan telah mula beroperasi pada 23 Disember 1993. ILKAP merupakan institusi latihan utama bagi pegawai kehakiman dan perundangan yang unggul di rantau ini serta berperanan penting dalam melahirkan modal insan yang berintelekt, berintegriti dan berkemahiran tinggi.

Saya percaya ILKAP telah mengadakan sejumlah program latihan berbentuk kursus, bengkel dan seminar yang komprehensif, relevan, berkualiti dan berkesan bagi meningkatkan pengetahuan, kompetensi dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang.

Justeru itu, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga ILKAP atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan selama ini dalam melaksanakan dan menjayakan program latihan yang dinamik dan relevan sejajar dengan arus perkembangan undang-undang semasa sepanjang tahun 2019.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua pemegang taruh (*stakeholders*) ILKAP dan pihak yang berkaitan atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada ILKAP dalam menjayakan program latihan yang telah dirancang.

Akhir kata, saya berharap Lembaga Pengurusan ILKAP dan warga ILKAP keseluruhannya akan meneruskan penyampaian kerja yang cemerlang dan terus komited dalam mengekalkan ILKAP sebagai sebuah institusi latihan yang penting dan relevan bagi tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya.

Sekian, terima kasih.

KATA PENGANTAR
KETUA PENGARAH ILKAP



"Success is not final, failure is not fatal: It is the courage to continue that counts." - Winston S. Churchill

DATO' ANITA BINTI HARUN
KETUA PENGARAH
INSTITUT LATIHAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN (ILKAP)

Assalamualaikum dan Sayangi Malaysiaku.

Buku Laporan Tahunan ILKAP 2019 ini telah disediakan bagi memberikan ruang untuk memaparkan hasil kerja tahunan warga Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) sepanjang tahun 2019. Sebagai peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang Kehakiman dan Perundangan, ILKAP sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan bermutu sepanjang masa.

Bagi tahun 2019, ILKAP telah berjaya melaksanakan sebanyak 92 buah Kursus Berjadual dan tambahan 2 Kursus *Ad-Hoc* bagi pegawai kehakiman dan perundangan, pegawai awam lain termasuk pegawai penguatkuasa undang-undang serta pihak swasta. Program latihan ini dirancang berasaskan analisis keperluan latihan secara komprehensif, kurikulum latihan yang dinamik serta kajian semula kurikulum sedia ada dari semasa ke semasa bagi mengambil kira peruntukan undang-undang terkini. ILKAP juga turut menjayakan sebanyak 17 Kursus Kerjasama yang diadakan berdasarkan permohonan daripada pihak agensi kerajaan, swasta, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri sepanjang tempoh 2019 dan ini menunjukkan peningkatan berbanding 15 kursus kerjasama pada tahun 2018.

Meneruskan tradisi ILKAP, Program ILKAP Speaker Series (ISS) juga telah diadakan pada tahun 2019. YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri (Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri telah berbesar hati tampil sebagai penceramah jemputan bagi Program ISS Tahun 2019 dengan ceramah bertajuk *"Law Reform and Abolishment of Mandatory Death Penalty in Malaysia: The Way Forward"*. Sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan bukan sahaja daripada pegawai kehakiman dan perundangan, bahkan pegawai awam lain dan pihak swasta. Selain itu, ILKAP turut menerima banyak kunjungan daripada pihak antarabangsa pada tahun 2019, antaranya kunjungan daripada pihak Kedutaan Republik Uzbekistan, Kedutaan Republik Maldives, *The Law Development Centre Management Committee (Governing Council) for Republic of Uganda (LDC)*, kunjungan daripada *Team Leader of European Union Governance Action*

Formulation Mission in Malaysia dan Representatives From The United Nations Development Programme (UNDP). Diharapkan dengan kunjungan dan lawatan daripada pihak luar negara ke ILKAP ini akan membuka lebih banyak potensi untuk ILKAP mengadakan kerjasama dengan pihak mereka pada masa akan datang yang akan mendatangkan manfaat dari segi pembangunan latihan pegawai perundangan dan kehakiman.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP atas sokongan mereka yang berterusan dalam usaha meningkatkan kualiti institusi ini, selaras dengan visi dan misi ILKAP. Selamat bersara juga diucapkan kepada mantan Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP sebelum ini, iaitu YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Bakar. Tahniah dan selamat datang diucapkan kepada Ketua Setiausaha Negara selaku Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP yang terkini, iaitu YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak berkepentingan, pemegang taruh (*stakeholders*) dan penceramah-penceramah yang telah menjayakan program latihan ILKAP sepanjang tahun 2019 dan berharap kerjasama ini akan berterusan di masa hadapan.

Diharapkan dengan kejayaan yang diperolehi pada tahun 2019, ILKAP akan terus mengekalkan momentum dan gerak kerja berprestasi tinggi demi mencapai aspirasi ILKAP bagi tahun 2020.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada warga ILKAP atas sumbangan dan perkhidmatan cemerlang mereka kepada ILKAP sepanjang tahun 2019. Saya berharap semua warga ILKAP akan berusaha ke arah penambahbaikan dan kemajuan ILKAP.

Sekian, terima kasih.



MAKLUMAT KORPORAT

OBJEKTIF

Meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan pekhidmat awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman dan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematik dan terancang.

FUNGSI

Merancang dan mengendalikan program latihan, kolokium, seminar dan bengkel dalam bidang kehakiman dan perundangan;

Menjalankan kajian yang berkaitan dengan keperluan latihan dan analisa impak kepada organisasi dan pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang; dan

Menjalankan kajian dan penerbitan berkaitan dengan perkembangan bidang kehakiman dan perundangan semasa.

VISI

Peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Malaysia.

MISI

Peningkatan pengetahuan, kompetensi dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai penguat kuasa undang-undang dengan menyediakan latihan yang relevan, berkualiti dan berkesan.

PIAGAM PELANGGAN

Kami adalah komited untuk menyediakan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai-pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang:

Kami berjanji akan:

- merancang dan melaksanakan projek latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
- menjalankan tidak kurang daripada 90% kursus yang dirancang setiap tahun;
- menyampaikan maklumat berkaitan dengan jadual program latihan tidak lewat daripada sebulan sebelum latihan dilaksanakan;
- menyediakan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kursus yang akan dijalankan;
- menyediakan bahan rujukan yang komprehensif dan terkini;
- memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik dan siap untuk digunakan sebelum kursus bermula dan pada setiap masa kursus berjalan;
- menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai, selesa dan kondusif;
- memastikan tuntutan segala pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari; dan
- memastikan bahawa semua pertanyaan dan aduan diberikan maklum balas dalam tempoh 48 jam.

STRUKTUR ORGANISASI ILKAP



LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP



YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar
Ketua Setiausaha Negara
(Pengerusi)



YBhg. Tan Sri Tommy Thomas
Peguam Negara



**YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib
Abd Rahman**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



YBhg. Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir
Ketua Setiausaha Perbendaharaan



YBrs. Tuan Ahmad Terrirudin Mohd Salleh
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan



YBhg. Datin Hajah Hazizah Kassim
Peguam Bela dan Peguam Cara



YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
(Januari – Jun 2019)



YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
(Julai – Disember 2019)



YBrs. Dr. Hartini Saripan
Dekan Fakulti Undang-Undang, UITM



YBhg. Dato' Anita Haji Harun
Ketua Pengarah ILKAP
(Setiausaha)

PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN



MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP 2019

Lembaga Pengurusan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) merupakan badan pentadbir tertinggi dan berperanan dalam menetapkan matlamat jangka panjang dan menggubal dasar termasuk pengawalan program ILKAP. Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, seorang Peguam Bela dan Peguam Cara yang dilantik dan seorang Dekan Fakulti Undang-Undang daripada universiti tempatan. Ketua Pengarah ILKAP pula bertindak sebagai Setiausaha kepada Lembaga Pengurusan ILKAP.

Bagi tahun 2019, Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2019 telah diadakan pada 13 Jun 2019 di ILKAP, Bandar Baru Bangi manakala Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2019 pula telah diadakan pada 30 Oktober 2019 di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Kedua-dua Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Bakar, KSN merangkap Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP pada masa itu.

Perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2019 meliputi Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP dari 1 September 2018 hingga 31 Mac 2019 dan Laporan Perbelanjaan Mengurus Dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2018.

Bagi Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2019 pula, perkara yang dibawa untuk kelulusan dan makluman Ahli Lembaga meliputi Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP bagi tempoh 1 April hingga 31 Ogos 2019, Laporan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (ABM), Prestasi Pembayaran Bil, Terimaan dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2019 serta Laporan Cadangan Program Latihan ILKAP Bagi Tahun 2020.



Mesyuarat Lembaga Pengurusan (MLP)
ILKAP Bil. 1/2019



Mesyuarat Lembaga Pengurusan (MLP)
ILKAP Bil. 2/2019

The background of the page is a dark blue gradient with several flowing, wavy lines in a lighter blue color. These lines create a sense of movement and depth, resembling liquid or smoke. The text is centered over this background.

BAHAGIAN LATIHAN

PROGRAM PERUNDANGAN

Program Perundangan, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Perundangan, ILKAP) telah berjaya menjalankan sebanyak **16 kursus / bengkel / seminar berjadual**, **2 kursus kerjasama** dan **1 kursus *ad hoc*** sepanjang tahun 2019.

Berikut adalah senarai 16 kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah dijalankan pada tahun 2019:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	7 – 10 Januari 2019
2	Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang	29 – 31 Januari 2019
3	Kursus “Audi Alteram Partem” – Maksud dan Pemakaiannya dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran	19 – 20 Februari 2019
4	Seminar Mengenai Isu Murtad di Malaysia	12 Mac 2019
5	Kursus Penggunaan Bahasa dalam Perundangan (Tatabahasa, Peristilahan, Penterjemahan dan Penyuntingan Terjemahan)	19 – 21 Mac 2019
6	Seminar Akta Perhimpunan Aman 2012 [Akta 736]	9 April 2019
7	Seminar Fraud Insuran	23 April 2019
8	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen	18 – 20 Jun 2019
9	Kursus Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]	25 – 26 Jun 2019
10	Kursus Komprehensif Undang-Undang Berkaitan Kanak-Kanak di Malaysia	15 – 18 Julai 2019
11	Kursus Berkaitan Perundangan Halal di Malaysia	23 – 25 Julai 2019
12	Kursus Pelaksanaan Penghakiman yang Efektif di bawah Undang-Undang	6 – 7 Ogos 2019
13	Kursus Akta Syarikat 2016 [Akta 777]	20 – 21 Ogos 2019
14	Bengkel Teknik Kemahiran Semakan dan Cetakan Semula Undang-Undang	11 – 12 September 2019
15	Kursus Perlindungan Data Peribadi – Bahaya Scam	15 Oktober 2019
16	Kursus Penterjemahan dan Penyuntingan Teks Perundangan	22 – 24 Oktober 2019

Manakala **dua (2) kursus kerjasama** yang telah dijalankan di bawah seliaan Program Perundangan, ILKAP adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	AGENSI	TARIKH
1	Kursus Penguatkuasaan bagi Anggota Penguatkuasa Akta Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia	Kementerian Kesihatan Malaysia	9-12 Julai 2019
2	Kursus Penggubalan Perundangan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia	3-5 Sept 2019

Selain itu, Program Perundangan, ILKAP telah melaksanakan **1 kursus ad hoc** pada 24 hingga 26 September 2019, iaitu Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen (Khas) yang telah disyorkan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara, dalam Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2019 sebagai tambahan kepada Kursus sama yang telah diadakan pada 18 hingga 20 Jun 2019 di ILKAP.

YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara menyifatkan bahawa Kursus yang mempunyai

objektif untuk meningkatkan kefahaman peserta tentang proses dan tatacara Parlimen serta amalannya di Malaysia ini merupakan Kursus yang penting untuk dihadiri oleh pegawai yang terlibat secara aktif dengan tugas di Parlimen. Ini bagi memastikan prosedur dan amalan di Parlimen diketahui dan dipatuhi dengan sewajarnya selain memastikan segala tindak-tanduk pegawai yang berkaitan dalam melaksanakan tugasannya di Parlimen adalah selaras dengan prosedur dan amalan Parlimen bagi menjamin kelancaran dan keteraturan prosiding di Parlimen.

Antara kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah mendapat sambutan penyertaan yang menggalakkan adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	7 – 10 Januari 2019	32
2	Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang	29 – 31 Januari 2019	39
3	Seminar Mengenai Isu Murtad di Malaysia	12 Mac 2019	38
4	Kursus Penggunaan Bahasa dalam Perundangan (Tatabahasa, Peristilahan, Penterjemahan dan Penyuntingan Terjemahan)	19 – 21 Mac 2019	37
5	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen	18 – 20 Jun 2019	36
6	Kursus Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]	25 – 26 Jun 2019	41
7	Kursus Berkaitan Perundangan Halal di Malaysia	23 – 25 Julai 2019	33
8	Kursus Pelaksanaan Penghakiman yang Efektif di bawah Undang-Undang	6 – 7 Ogos 2019	31
9	Kursus Akta Syarikat 2016 [Akta 777]	20 – 21 Ogos 2019	31
10	Kursus Perlindungan Data Peribadi – Bahaya Scam	15 Oktober 2019	30
11	Kursus Penterjemahan dan Penyuntingan Teks Perundangan	22 – 24 Oktober 2019	31

Sepanjang tahun 2019, seramai 508 orang peserta telah menyertai kursus / bengkel / seminar berjadual anjuran ILKAP di bawah kendalian Program Perundangan ILKAP.

Peserta berkenaan terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pegawai pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, pihak Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan serta peserta awam daripada sektor swasta.

Bagi menjayakan kesemua kursus / bengkel / seminar di bawah seliaan Program Perundangan, ILKAP, penceramah, fasilitator, moderator dan ahli panel yang berwibawa serta berpengalaman telah dijemput untuk mengendalikan slot dalam kursus / bengkel / seminar tersebut.

PROGRAM LITIGASI

Program Litigasi Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Litigasi, ILKAP) telah berjaya menjalankan sebanyak **23 kursus / bengkel berjadual** dan **14 kursus kerjasama** sepanjang tahun 2019.

Berikut adalah **23 kursus / bengkel berjadual** yang telah dijalankan pada tahun 2019:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Pendakwaan Jenayah Siber	28 – 31 Januari 2019
2	Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Bil. 1/2019	11 – 15 Februari 2019
3	<i>Workshop On Strategy In Trials And Appeals</i>	12 – 14 Februari 2019
4	<i>Course On Medico Legal for Legal Officers</i>	4 – 7 Mac 2019
5	<i>Course On Prosecution of Offences Under The Companies Act 2016 [Act 777]</i>	12 – 13 Mac 2019
6	Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalan Raya	9 – 11 April 2019
7	Penzahiran Dokumen di Bawah Aturan 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012	16 – 18 April 2019
8	<i>Workshop On Enforcement of Forfeiture Order</i>	18 – 19 Jun 2019
9	<i>Course On Psychology Of Effective Communication And Persuasion In Court</i>	25 – 27 Jun 2019
10	Kursus Siasatan dan Pendakwaan bawah Akta Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Cabarannya	25 – 27 Jun 2019
11	Kursus Pendakwaan Berkesan bagi Kes Jenayah (Timbalan Pendakwa Raya)	2 – 4 Julai 2019
12	<i>Course On Electronic Evidence</i>	16 – 18 Julai 2019
13	Kursus Proses Pra-Perbicaraan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan 2012) [Akta 1422] - Rundingan Pra-Perbicaraan, Teknik Rundingan Akuan, Pernyataan Bertulis Saksi dan Pengurusan Kes	6 – 8 Ogos 2019
14	Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Bil. 2/2019	19 – 23 Ogos 2019
15	<i>Course On Expert Evidence In the Civil and Criminal Cases</i>	19 – 23 Ogos 2019
16	<i>Course On Crime Scene and Investigation</i>	27 – 29 Ogos 2019
17	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UITM) Bil. 1/2019 3 – 27 September 2019	3 – 27 September 2019
18	Kursus Salah Tangkap dan Salah Tahan oleh Pihak Penguatkuasaan	4 – 5 September 2019
19	<i>Course On The Law Relating To Sexual Crimes</i>	23 – 26 September 2019
20	<i>Workshop On Mutual Legal Assistance In Criminal Matters</i>	24 – 25 September 2019
21	<i>Course On Pre-Trial Procedures In Civil Litigation</i>	1 – 3 Oktober 2019
22	<i>Workshop On Examination of Witnesses</i>	7 – 10 Oktober 2019
23	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UITM) Bil. 2/2019	7 – 30 Oktober 2019

Manakala **14 kursus / bengkel kerjasama** yang telah dijalankan di bawah seliaan Program Litigasi ILKAP adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	AGENSI	TARIKH
1	Bengkel Teknik Pendakwaan (Akta Juruanalisis Makanan 2011)	Kementerian Kesihatan Malaysia	11 – 15 Mac 2019
2	Bengkel Teknik Pendakwaan (Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011)	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	15 – 19 April 2019
3	Kursus Pemantapan Pegawai Penyiasat (Jabatan Kebajikan Masyarakat)	Jabatan Kebajikan Masyarakat	22 – 25 April 2019
4	Kursus Pra Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]	Jabatan Kebajikan Masyarakat	24 – 28 Jun 2019
5	Bengkel Pemantapan Pegawai Penyiasat (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia	8 – 11 Julai 2019
6	Kursus Perundangan dan Pendakwaan Bil.1/2019	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia	15 – 19 Julai 2019
7	Kursus Pra Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia	22 – 25 Julai 2019
8	Kursus Pemantapan Pegawai Penyiasatan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)	5 – 8 Ogos 2019
9	Kursus Perundangan dan Pendakwaan Bil. 2/2019	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia	26 – 30 Ogos 2019
10	Kursus Pemantapan Penyediaan Kertas Siasatan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	30 September – 3 Oktober 2019
11	Kursus Penguatkuasaan bagi Anggota Penguat kuasa di bawah Akta Makanan 1983 Kementerian Kesihatan Malaysia Siri 2/2019	Kementerian Kesihatan Malaysia	1 – 4 Oktober 2019
12	Kursus Pra Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)	7 – 11 Oktober 2019
13	Kursus Teknik Pendakwaan di bawah Bidang Perundangan dan Penguatkuasaan Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	14 – 18 Oktober 2019
14	Kursus Asas Penyiasatan Saksi/Orang yang Disyaki (OKS) untuk Pegawai Lembaga Peperiksaan dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)	Lembaga Peperiksaan dan Jabatan Pendidikan Negeri	29 – 31 Oktober 2019

Antara kursus / bengkel berjadual yang telah mendapat sambutan penyertaan yang menggalakkan adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	Kursus Pendakwaan Jenayah Siber	28 – 31 Januari 2019	34
2	Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Bil.1/201	11 – 15 Februari 2019	35
3	Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Bil.2/2019	19 – 23 Ogos 2019	36
4	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil.1/2019	3 – 27 September 2019	30
5	<i>Course On The Law Relating To Sexual Crimes</i>	23 – 26 September 2019	45
6	<i>Workshop on Examination of Witness</i>	7 – 10 Oktober 2019	31
7	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil.2/2019	7 – 30 Oktober 2019	30

Sepanjang tahun 2019, seramai 699 orang peserta telah menghadiri kursus / bengkel berjadual anjuran ILKAP di bawah kendalian Program Litigasi, ILKAP.

Peserta berkenaan terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pegawai pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, pihak Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan serta peserta awam daripada sektor swasta.

Bagi menjayakan kesemua kursus / bengkel di bawah seliaan Program Litigasi, ILKAP, penceramah, fasilitator, moderator dan ahli panel yang berwibawa serta berpengalaman telah dijemput untuk mengendalikan sesi/slot dalam setiap kursus / bengkel tersebut.

PROGRAM KEHAKIMAN

Program Kehakiman Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Kehakiman, ILKAP) telah menjalankan sebanyak **18 kursus / bengkel / seminar berjadual** dan **satu (1) kursus kerjasama** sepanjang tahun 2019.

Berikut adalah **18 kursus / bengkel / seminar berjadual** yang telah dijalankan berkenaan

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Seminar Undang-Undang Fitnah Internet (<i>Internet Defamation</i>) Di Malaysia	8 Januari 2019
2	Seminar Mengenai Akta Pengurusan Strata 2013 (<i>Akta 757</i>): Isu dan Cabaran	22 Januari 2019
3	Seminar Akta Keganasan Rumah Tangga 1994	12 Februari 2019
4	<i>Workshop on Legal Opinion Writing</i>	26 – 27 Februari 2019
5	Bengkel Tatacara Seni Kepeguaman	26 – 27 Februari 2019
6	Bengkel Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi	12 – 13 Mac 2019
7	Seminar Hak-Hak Wanita Di Bawah Undang-Undang Syariah	26 Mac 2019
8	<i>Workshop on Injunction and Declaratory Relief</i>	16 – 17 April 2019
9	Kursus Kes-Kes Jenayah di bawah Bidang Kuasa Majistret	18 – 19 Jun 2019
10	<i>Course on Crime Sentencing Process</i>	2 – 4 Julai 2019
11	Seminar Perkahwinan Kanak-Kanak, Mampukah Kita Menanganinya	8 Julai 2019
12	Kursus Prosedur Permohonan Penceraian Islam Dan Bukan Islam Di Mahkamah	23 – 24 Julai 2019
13	Kursus Taksiran Ganti Rugi	27 – 28 Ogos 2019
14	Kursus Forensik Digital	11 – 12 September 2019
15	<i>Workshop On Arbitration, Construction Law and Adjudication</i>	17 – 19 September 2019
16	Seminar Pelupusan Barang Kes Bagi Kes-Kes Jenayah	8 Oktober 2019
17	Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah	15 – 16 Oktober 2019
18	<i>Course on Administrative Law: Supervisory Role of the Judiciary</i>	22 – 23 Oktober 2019

Manakala kursus kerjasama yang telah dijalankan di bawah seliaan Program Kehakiman, ILKAP adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	AGENSI	TARIKH
1	Kursus Penyiasatan dan Penguatkuasaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [<i>Akta 668</i>]	Kementerian Belia dan Sukan	20 – 22 Ogos 2019

Antara kursus berjadual yang telah mendapat sambutan penyertaan yang menggalakkan adalah :

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	Kursus Prosedur Permohonan Penceraian Islam Dan Bukan Islam Di Mahkamah	23 – 24 Julai 2019	31
2	Kursus Forensik Digital	11 – 12 September 2019	39

Sepanjang tahun 2019, seramai 626 orang peserta telah menghadiri kursus / bengkel / seminar berjadual anjuran ILKAP di bawah kendalian Program Kehakiman, ILKAP.

Peserta berkenaan terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pegawai pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, pihak Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan serta peserta awam daripada sektor swasta.

Bagi menjayakan kesemua kursus / bengkel / seminar di bawah seliaan Program Kehakiman, ILKAP, penceramah, fasilitator, moderator dan ahli panel yang berwibawa serta berpengalaman juga telah dijemput untuk mengendalikan sesi/slot dalam setiap kursus / bengkel / seminar tersebut.

PROGRAM PENASIHAT

Sebanyak **20 kursus / bengkel / seminar** yang merangkumi 18 kursus / bengkel / seminar berulang dan dua (2) kursus / bengkel / seminar baharu telah dianjurkan oleh Program Penasihat, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Penasihat, ILKAP) pada tahun 2019. Sebanyak 14 kursus / bengkel / seminar telah dibuka kepada penyertaan pihak swasta.

Bengkel dan seminar baharu yang diperkenalkan pada tahun 2019 telah dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan ilmu dan kemahiran Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan tentang perkembangan undang-undang semasa. Bengkel dan seminar baharu tersebut adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Tatatertib bagi Pegawai Awam.	12 – 14 Mac 2019
2	Seminar Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.	11 September 2019

Bagi 18 kursus / bengkel / seminar berulang pula, senarainya adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	<i>Course on Interpretation Acts 1948 & 1967 [Act 388]</i>	15 – 16 Januari 2019
2	Kursus Tatacara Kewangan	19 – 20 Februari 2019
3	Seminar Transgender : Antara Hak Manusia dan Agama	2 April 2019
4	Kursus Akta Persaingan 2010	2 – 3 April 2019
5	<i>Course on Federal Constitution – Critical Analysis</i>	15 – 18 April 2019
6	<i>UN in a Nutshell – Introduction to the Structure and Functions of the United Nations System</i>	16 – 17 April 2019
7	<i>Course on Effective Legal Research</i>	23 – 25 April 2019
8	Kursus Penggubalan, Kemungkinan dan Penamatan Kontrak Kerajaan	18 – 20 Jun 2019
9	Kursus Pentadbiran Harta Pusaka Mengikut Perspektif Sivil di Malaysia	25 – 26 Jun 2019
10	<i>Course on Statutory Duties and Statutory Powers</i>	25 – 27 Jun 2019
11	Kursus Orang Asli : Hak dan Isu Undang-Undang	9 – 10 Julai 2019
12	Kursus Undang-Undang Tanah – Isu dan Cabaran Masa Kini	16 – 18 Julai 2019
13	Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Tatatertib	27 – 29 Ogos 2019
14	<i>Course on Intellectual Property Law – Rights and Issues</i>	23 – 26 September 2019
15	Seminar Akta Fi 1951 [Akta 209]	30 September 2019
16	<i>Course on Understanding International Investment Law and Dispute Settlement</i>	8 – 9 Oktober 2019
17	<i>Course on Introduction to Construction Law in Malaysia</i>	14 – 17 Oktober 2019
18	Bengkel Asas Faraid dan Pentadbiran Harta Pusaka Mengikut Perspektif Syariah di Malaysia	22 – 24 Oktober 2019

Antara kursus / bengkel / seminar ulangan yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	Seminar Transgender : Antara Hak Manusia dan Agama	2 April 2019	82
2	<i>Course on Federal Constitution – Critical Analysis</i>	15 – 18 April 2019	67
3	<i>Course on Effective Legal Research</i>	23 – 25 April 2019	39
4	Kursus Pentadbiran Harta Pusaka Mengikut Perspektif Sivil di Malaysia	25 – 26 Jun 2019	40

Selain itu, Program Penasihat, ILKAP juga telah menganjurkan **satu (1) kursus kerjasama** dengan pihak Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, iaitu Kursus Pemantapan Pegawai Penyiasat pada 21 hingga 25 Oktober 2019 yang melibatkan penyertaan seramai 30 orang peserta.

Sepanjang tahun 2019, seramai **726 orang peserta** telah menghadiri kursus / bengkel / seminar berjadual anjuran ILKAP di bawah kendalian Program Penasihat, ILKAP.

Peserta berkenaan terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pegawai pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, pihak Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan serta peserta awam daripada sektor swasta.

Bagi menjayakan kesemua kursus / bengkel / seminar di bawah seliaan Program Penasihat, ILKAP, penceramah, fasilitator, moderator dan ahli panel yang berwibawa serta berpengalaman juga telah dijemput untuk mengendalikan sesi/slot dalam setiap kursus / bengkel / seminar tersebut.

PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN

Kursus / Bengkel / Seminar di bawah Program ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan membangunkan kerjaya pekhidmat awam terutamanya bagi Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Program berbentuk latihan tersebut juga dijalankan bagi tujuan memantapkan ilmu dan kemahiran berkaitan pengurusan, etika dan personaliti.

Sepanjang tahun 2019, Program ini telah berjaya menjalankan **16 Kursus / Bengkel / Seminar** yang merangkumi 14 Kursus / Bengkel / Seminar yang berulang dan dua (2) kursus baharu.

Kursus baharu yang telah dijalankan adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Transformasi Diri Ke Arah Transformasi Prestasi	18 September 2019
2	<i>Course On The Art Of Saying No</i>	30 Oktober 2019

Manakala Kursus / Bengkel / Seminar ulangan yang telah dijalankan adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Pembangunan Modul Kurikulum Latihan dan Pengurusan Serta Pengendalian Mesyuarat dan Penyediaan Minit Mesyuarat	15 - 17 Januari 2019
2	<i>Workshop on Speed Reading and Memory Skills</i>	22 Januari 2019
3	<i>Course On Effective Communication Skills</i>	19 Februari 2019
4	<i>Course On Balancing Work and Life With Optimum Productivity</i>	26 Februari 2019
5	<i>"You Lead The Ship": A Leadership Course</i>	12 Mac 2019
6	Kursus Pengurusan Masa & Pengurusan Stress Yang Berkesan	18 Jun 2019
7	Seminar Media Sosial : Cabaran dan Penggunaan dalam Organisasi Kerajaan	2 Julai 2019
8	Program Transformasi Minda	8-16 Julai 2019
9	<i>Course On "Exemplary Leadership : Making it Work"</i>	6 Ogos 2019
10	Kursus Tatacara Pengurusan dan Pengendalian Majlis Rasmi Kerajaan	6-7 Ogos 2019
11	<i>English Language Course at Workplace</i>	20-21 Ogos 2019
12	Bengkel Etiket Sosial dan Kecemerlangan Imej Organisasi	3-5 September 2019
13	Kursus Integriti dan Etika Untuk Pegawai Undang-Undang dan Penolong Pegawai Undang-Undang (Perundangan dan Mahkamah)	22-23 Oktober 2019
14	<i>Course On Dealing With Difficult People in the Workplace</i>	31 Oktober 2019

Sepanjang tahun 2019, seramai **560 orang peserta** telah menghadiri kursus / bengkel / seminar anjuran ILKAP di bawah kendalian Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran Bahagian Latihan, ILKAP.

eserta berkenaan terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pegawai pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, pihak Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan serta peserta awam daripada sektor swasta.

Selain itu, Program ini turut mengendalikan Program Transformasi Minda (PTM) bagi Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Gred

L41 sebelum pengesahan dalam perkhidmatan mereka dapat disempurnakan. Sebanyak satu (1) siri PTM telah dilaksanakan, iaitu pada 8 hingga 16 Julai 2019.

Bagi menjayakan kesemua kursus / bengkel / seminar di bawah seliaan Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran ILKAP, penceramah, fasilitator, moderator dan ahli panel yang berwibawa serta berpengalaman telah dijemput untuk mengendalikan sesi/slot dalam setiap kursus / bengkel / seminar tersebut.

The background of the image is a dark blue gradient with several flowing, wavy lines in a lighter blue color. These lines create a sense of movement and depth, resembling liquid or smoke. The text is centered horizontally and vertically over this background.

BAHAGIAN PENGURUSAN ILKAP

SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2019, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah menerima peruntukan berjumlah RM 9.62 juta untuk pembayaran emolumen dan perbelanjaan operasi ILKAP yang melibatkan pelaksanaan program latihan, penyelenggaraan, penaiktarafan kemudahan serta perbelanjaan berkaitan yang lain. Sehingga 31 Disember 2019, ILKAP telah membelanjakan sebanyak 99.73% daripada bajet yang diperuntukkan.

Di samping peruntukan perbelanjaan mengurus, ILKAP turut menerima peruntukan sebanyak RM100,000.00 khusus untuk melaksanakan program latihan melalui Akaun Amanah. Sehingga 31

Disember 2019, 90% pegawai ILKAP telah menghadiri minimum tiga (3) hari kursus/latihan yang dilaksanakan sama ada menerusi anjuran dalaman ILKAP (internally) atau anjuran oleh Kementerian/Jabatan/Agensi serta pihak swasta yang lain. Latihan yang diberikan adalah berbentuk generik dan fungsian yang merangkumi keseluruhan bidang berkaitan.

Berdasarkan waran perjawatan yang berkuat kuasa, sebanyak 102 perjawatan telah diluluskan bagi ILKAP. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 92 jawatantelah diisikan dan sepuluh (10) jawatan tidak diisikan seperti ringkasan perjawatan ILKAP di Jadual 1 di bawah:

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi	2	2	0
Pengurusan & Profesional	32	25	7
Sokongan I	59	59	0
Sokongan II	9	6	3
JUMLAH	102	92	10

SEKSYEN DOMESTIK, PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET

Sepanjang tahun 2019, ILKAP telah melaksanakan beberapa kerja baik pulih dan naik taraf fasiliti bagi memberikan keselesaan kepada warga ILKAP dan peserta kursus. Pelaksanaan kerja-kerja ini dibantu oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor terutamanya JKR Daerah Hulu Langat yang meliputi:

- (a) kerja-kerja membekal, memasang, menguji terima pemasangan gantian (1) unit lif di Bangunan Perdana ILKAP;
- (b) kerja penukaran bumbung, siling Dewan Serbaguna serta menebang pokok dan kerja-kerja lain yang berkaitan; dan
- (c) kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan Ring Main Unit (RMU) di Bangunan ITITC ILKAP dan kerja-kerja lain yang berkaitan.

Unit Domestik telah menguruskan aspek domestik di ILKAP termasuk pengurusan Asrama A dan B serta Asrama Eksekutif dengan teratur. Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019, seramai 3,491 orang penghuni telah menggunakan kemudahan Asrama A dan B serta Asrama Eksekutif. Ini termasuklah 1,481 orang peserta kursus dan 2,010 orang peserta sewaan di bawah *Malaysia Training Centre (MyTC)*. Jumlah keseluruhan penghuni

asrama menunjukkan penurunan sebanyak 36% berbanding tahun 2018 kerana penggunaan kelas bagi MyTC terpaksa ditangguhkan selama hampir enam (6) bulan ekoran kerosakan RMU di Bangunan ITITC yang menyebabkan sewaan fasiliti berkurangan.

Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 441 aduan kerosakan telah diterima oleh Seksyen ini daripada kakitangan ILKAP dan peserta kursus. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97% aduan disalurkan kepada Unit Penyelenggaraan untuk tindakan pembaikan manakala 3% aduan disalurkan kepada Unit Domestik dan Unit Pengurusan Aset. Kesemua aduan telah diberikan respons dalam tempoh '*48 jam hari bekerja*' yang ditetapkan seperti mana keperluan ISO 9001:2015.

Dalam pada itu, Unit Pengurusan Aset telah berjaya melaksanakan Pemeriksaan Aset Tahun 2019 dan melupuskan aset-aset yang telah rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki termasuk kenderaan Pajero di samping memberikan sumbangan dalam bentuk pindahan meja kepada Depot Imigresen Semenyih. Selain itu, Unit ini juga telah menaik taraf kerusi di Dewan Kuliah dan kerusi ahli panel forum kepada yang lebih moden memandangkan perabot sedia ada tidak sesuai lagi untuk digunakan.



SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERDANA MENTERI (AIJPM)

Pada 29 Julai 2019, Seksyen Teknologi Maklumat ILKAP (STM) yang diketuai oleh Encik Fariz Rizal bin Rasdi (Timbalan Pendaftar – Teknologi Maklumat) dan turut disertai oleh Puan Nazirawati Binti Anang, Puan Mariana binti Nong, Encik Khairul Anuar bin Abd.Shukor, Encik Khairul Mustadza bin Md. Akhir, Encik Amrilamim bin Mislan dan Encik Mubarak bin Mohamad Zahid telah menyertai pertandingan AIJPM yang telah diadakan di Bilik Serbaguna 1, Aras 3, Blok B1, Kompleks JPM Aras 2, JPM.

AIJPM 2019 merupakan suatu platform bagi agensi di bawah JPM untuk mengetengahkan hasil inovasi agensi masing-masing untuk dinilai, diiktiraf dan seterusnya diperluaskan adaptasi inovasinya ke agensi kerajaan yang lain mengikut kesesuaian pemakaian produk inovasi tersebut

Penyertaan AIJPM 2019 ini telah mempertaruhkan Sistem *Online* ILKAP (SOI) sebagai produk inovasi ILKAP untuk dipertandingkan. Tujuan pemilihan SOI adalah bagi memperkenalkan SOI yang digunakan secara meluas dalam urusan operasi seharian di ILKAP. Penggunaan SOI adalah meliputi pengurusan beberapa perkara termasuklah aduan secara atas talian (*online*), maklumat latihan warga ILKAP, permohonan dan rekod keluar masuk (*time-off*) kakitangan ILKAP dan integrasi dengan laman sesawang rasmi ILKAP. Memandangkan warga ILKAP beroleh manfaat daripada penggunaan SOI dalam urusan operasi harian ILKAP sebagai pusat latihan terulung di Malaysia, STM berpandangan bahawa wajarlah manfaat SOI ini dikongsi bersama agensi kerajaan yang lain.



The screenshot shows the ILKAP Online System interface. The sidebar on the left contains navigation links such as 'Menu Utama', 'Kod Etika', 'Sistem/Aplikasi Online', 'Bertugas Luar', 'Permohonan Kenderaan', 'Tempahan Audio Visual', 'a) Aduan Kerosakan (Berkaitan Kursus/Peserta)', 'b) Aduan Kerosakan (TIDAK berkaitan Kursus/Peserta)', 'File Tracking System (FTS)', 'Kerja Grafik', 'Maklumat Pembekal/Kontraktor ILKAP', 'Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja', 'eLatihan', 'Pengurusan Pentadbir', 'ISS 2019', and 'Selenggara Profil dan Status eLatihan'. The main content area displays a table titled 'Senarai Aduan Tidak Berkaitan Kursus/Peserta : Keseluruhan Tahun 2020'. The table has columns for 'No. Seri', 'Pegawai', 'Unit Penyelenggaraan', 'Perkara', 'Tarikh Aduan', 'Status Tindakan', 'Tarikh Tindakan', and 'Tempat Tindakan'. The table lists 18 complaint records, all of which are marked as 'SELESAI' (Completed).

No. Seri	Pegawai	Unit Penyelenggaraan	Perkara	Tarikh Aduan	Status Tindakan	Tarikh Tindakan	Tempat Tindakan
4488	Shi Nur Syazwani binti Karna	Unit Penyelenggaraan	SALUR AIR TERSEDUAT	17-03-2020	SELESAI	17-03-2020	0
4489	Shi Nur Syazwani binti Karna	Unit Penyelenggaraan	Arcond	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	0
4494	Zalina binti Haj Awang @ Manal	Unit Penyelenggaraan	Lampu di bilik air besen darat di dalam	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	Tindakan Belum Dimulai
4495	Zalina binti Haj Awang @ Manal	Unit Penyelenggaraan	Lampu di bilik air besen darat di dalam	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	Tindakan Belum Dimulai
4496	Zalina binti Haj Awang @ Manal	Unit Penyelenggaraan	Lampu di dalam	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	Tindakan Belum Dimulai
4497	Zalina binti Haj Awang @ Manal	Unit Penyelenggaraan	Lampu di dalam	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	Tindakan Belum Dimulai
4498	Hasnura binti Dato' Shahrul Azam	Unit Penyelenggaraan	Proga	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	Tindakan Belum Dimulai
4499	Henna Hasnura binti Abdul Shukur	Unit Penyelenggaraan	mentor jamu	04-03-2020	SELESAI	04-03-2020	0
4500	Rozana binti Malik	Unit Penyelenggaraan	TELEFON	04-03-2020	SELESAI	08-03-2020	1
4501	Shi Nur Syazwani binti Karna	Unit Penyelenggaraan	Arcond	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	0
4502	Hamidah binti H. Samud	Unit Penyelenggaraan	Lampu merah	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	0
4503	Nor Azmi binti Shamsudin	Unit Penyelenggaraan	ASRAMA EXHIBITIF (GALIAN ARAS 2 BERBILAH 'B')	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	0
4504	Esma binti Mohd Khairi	Unit Penyelenggaraan	Lampu kakitangan	08-03-2020	SELESAI	04-03-2020	2
4505	Azmah binti Daud	Unit Penyelenggaraan	Antena ARAS 2 Papan surian simo kasar	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	1
4506	Mohamed Ibrahim binti Mohd Yusoff	Unit Penyelenggaraan	Simpanan simo kasar	08-03-2020	SELESAI	08-03-2020	29

Walaupun tidak memenangi sebarang anugerah dalam penyertaan AIJPM 2019, ILKAP secara keseluruhannya berbangga kerana dapat berkongsi dan mengetengahkan SOI sebagai satu Sistem *Online Setempat (One Stop System)* yang dibangunkan secara dalaman ini kepada agensi/jabatan kerajaan yang lain.

PROJEK ICT STM

Pada bulan November 2019, STM telah diberikan kelulusan melalui peruntukan Akaun Amanah ILKAP untuk melaksanakan tiga (3) projek penting, iaitu menaik taraf komputer *desktop* pegawai dan kakitangan ILKAP, sistem penduaan (*backup*) dan Sistem Pengurusan Kursus Bersepadu (ICMAS) versi 5.0.

Bagi projek menaik taraf komputer *desktop* pegawai dan kakitangan ILKAP, ia akan melibatkan komputer *desktop* yang berusia melebihi lima (5) tahun, sering mengalami kerosakan dan tidak memenuhi keperluan spesifikasi semasa. Sebanyak 60 unit komputer *desktop* baharu akan dibekalkan kepada pegawai dan kakitangan ILKAP. Proses pemindahan data dan konfigurasi akan dilaksanakan serentak bersama dengan pemasangan komputer *desktop* tersebut. Komputer *desktop* sedia ada akan dilupuskan atau digunakan semula di bilik siber di ILKAP.

Seterusnya, bagi projek menaik taraf sistem penduaan (*backup*) bagi pelayan (*server*) penting yang menempatkan laman sesawang ILKAP, ICMAS

dan EDMS kerana ia tidak mempunyai sistem penduaan yang efisien dan sistematik. Projek ini amatlah kritikal sebagai persediaan jika berlakunya insiden atau kecelakaan yang menyebabkan kerosakan terhadap *server* atau data di ILKAP. Skop projek ini juga akan melibatkan kerja menaik taraf *server* yang tidak memenuhi spesifikasi semasa.

Projek menaik taraf ICMAS dilaksanakan memandangkan ICMAS adalah sistem utama yang menyokong pengurusan latihan di ILKAP. Versi *stand alone* pertama ICMAS mula digunakan pada tahun 2003 dan berkembang ke versi 4 secara *web based* pada tahun 2014. Pada tahun 2019, STM telah berjaya melaksanakan dan menggunakan ICMAS versi 5. Versi terbaharu ini telah menyelesaikan masalah teknikal yang berlaku dalam versi terdahulu.

Berikutan dengan keperluan baru yang wujud sejajar dengan perkembangan tugas semasa di Bahagian Latihan ILKAP, projek menaik taraf ICMAS versi 5 bagi fasa ke-2 telah diluluskan dan STM sedang melaksanakan proses perolehan untuk projek ini. Antara modul baharu yang akan dibangunkan dan diintegrasikan ke ICMAS versi 5 adalah modul *Fast 8 Two* yang merupakan produk inovasi yang telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Inovasi ILKAP 2018.



BAHAGIAN MAKLUMAT ILKAP

OBJEKTIF

Objektif Bahagian Maklumat adalah untuk menyediakan bahan rujukan bagi memenuhi keperluan maklumat pegawai dan peserta kursus di ILKAP terutamanya dalam bidang kehakiman dan perundangan. Bahagian Maklumat juga berperanan untuk menggalakkan penyelidikan dan pembacaan serta menyediakan perkhidmatan rekaan grafik, rakaman foto dan video untuk menyokong program ILKAP.

PERKHIDMATAN

Bagi tahun 2019, seramai 8,020 pengunjung secara fizikal dan maya telah menggunakan perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP. Manakala sebanyak 650 bahan bacaan telah dipinjam oleh pelanggan.

Capaian pangkalan data yang dilanggan pada tahun 2019 bagi Lexis Nexis adalah 999 capaian, Lawnet 1,007 capaian dan CLJ Law sebanyak 917 capaian.

Bahagian Maklumat juga telah melaksanakan 130 kerja perkhidmatan reka bentuk grafik dan cetakan

PROGRAM BAHAGIAN MAKLUMAT

Program yang dianjurkan oleh Bahagian Maklumat ILKAP pada tahun 2019 adalah seperti yang berikut

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Pinjaman Kelompok Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 1	12 Mac 2019
2	Library2u di Bangunan ITTIC ILKAP	26 Mac 2019
3	Lawatan Pemilihan Buku di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur	2 April 2019
4	Library2u di Bangunan Perdana ILKAP	23 April 2019
5	Sambutan Dekad Membaca Kebangsaan: Jom Baca 10 Minit	23 April 2019
6	Pertandingan Swafoto Bacaan Kegemaran Saya	23 April 2019
7	Pinjaman Kelompok Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 2	26 Jun 2019
8	Pameran dan Kuiz Sambutan Kemerdekaan & Hari Malaysia 2019	31 Ogos – 16 September 2019
9	Pinjaman Kelompok Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 3	25 September 2019
10	Pameran Bulan Bahasa Kebangsaan Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul	1-30 Oktober 2019
11	Pinjaman Kelompok Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 4	24 Disember 2019

Promosi Galakan Membaca

Perkongsian bahan promosi perkhidmatan dan koleksi Pusat Sumber ILKAP telah dilaksanakan melalui e-mel kepada warga ILKAP, iaitu tujuh (7) hebahan program galakan membaca dan tujuh (7) hebahan keratan akhbar dan koleksi pusat sumber sepanjang tahun 2019.

keperluan kursus, program dan penerbitan ILKAP. Sebanyak 53 rakaman foto dan lima (5) video telah dilaksanakan sepanjang Januari hingga Disember 2019.

PEMBANGUNAN KOLEKSI

Sehingga Disember 2019, jumlah kumulatif koleksi di Pusat Sumber ILKAP adalah sebanyak 111,836 judul.

Bahan bercetak merangkumi buku, terbitan bersiri, laporan tahunan dan lain-lain adalah sebanyak 20,962 judul. Manakala koleksi foto pula berjumlah 26,710 unit, keratan akhbar berjumlah 11,170 naskhah, bahan digital (cakera padat audio dan video, CD ROM) sebanyak 455 naskhah. Koleksi nota kursus adalah sebanyak 26,400 naskhah dan boleh juga diakses melalui Electronic Document Management System (EDMS) yang merupakan koleksi repositori ILKAP.

Peminjam Aktif Pusat Sumber ILKAP

Pada tahun 2019, peminjam aktif yang terpilih untuk bulan Januari hingga Mac ialah Ahmad Mubarak Mohamad Zahid; pada April hingga Jun: Rosmawati Ramly; pada Julai hingga September: Haslamizan Maliki dan pada bulan Oktober hingga Disember: Hanim Mohd Hussin.



The background of the image is a dark blue gradient with several flowing, wavy lines in a lighter blue shade. These lines create a sense of movement and depth, resembling liquid or smoke. The overall aesthetic is modern and technological.

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI ILKAP

PENGENALAN

Unit Penyelidikan dan Inovasi Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) berperanan dalam:

- . Membantu meningkatkan impak positif pelaksanaan program latihan yang dianjurkan oleh ILKAP dengan melihat keperluan, kesesuaian dan keberkesanan setiap program latihan tersebut;
- . Melaksanakan penyelarasan dengan Bahagian Latihan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap kursus / bengkel / seminar dijalankan secara efisien untuk membolehkan objektif, fungsi, visi dan misi penubuhan ILKAP tercapai dengan sewajarnya;
- . Melaksanakan kaji selidik tentang keperluan latihan dan pembangunan kurikulum sesuatu program latihan yang dianjurkan oleh ILKAP bagi mengenal pasti pakej latihan yang lebih menepati kehendak dan hasrat sesuatu kumpulan sasaran. Pendekatan sebegini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam sesuatu bidang bagi kumpulan sasaran tersebut;
- . Menjalankan kajian keberkesanan program latihan melalui penilaian impak untuk memastikan ILKAP menetengahkan program latihan yang bermanfaat dan bersifat terkini kepada para peserta program latihan; dan
- . Menerbitkan bahan rujukan undang-undang dan bahan lain mengenai ILKAP seperti ILKAP *E-News Letter (INSIGHT)*, Buku Laporan Tahunan ILKAP dan Buku Program Latihan Tahunan ILKAP.

PEMANTAPAN KURIKULUM KURSUS

ILKAP telah menjalankan kajian keperluan latihan terhadap sektor awam terutamanya di kalangan pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan serta pegawai dan anggota daripada Kementerian / Jabatan / Agensi penguatkuasaan di Malaysia.

Bagi memastikan program latihan yang dikendalikan oleh ILKAP memenuhi keperluan dan kehendak pemegang taruh / pelanggan serta selaras dengan perkembangan perundangan semasa, Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP telah mengadakan sebanyak 17 Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Kurikulum Kursus (JKKK) dan 17 Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum (JKKSK) bagi merangka kurikulum kursus baharu dan mengkaji serta memperbaiki kurikulum kursus sedia ada bagi Program Latihan ILKAP 2019.

Keseluruhan 34 Mesyuarat JKKK dan JKKSK berkenaan telah dihadiri oleh pemegang taruh dan juga pelanggan ILKAP seperti pihak Mahkamah, Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, ahli akademik daripada universiti tempatan dan pihak Kementerian / Jabatan / Agensi penguatkuasaan Malaysia.



**SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM KURSUS (JKKK)
TAHUN 2019 BAGI PROGRAM LATIHAN ILKAP 2020**

BIL	TAJUK	TARIKH	PROGRAM
1	Seminar Mengenai Konsep Perkhidmatan Pra-Bayar: Hak Pengguna Di Bawah Perundangan Malaysia	18.11.2019	Perundangan
2	Bengkel Siasatan Dan Pendakwaan Di Bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang Dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM)	20.11.2019	Litigasi
3	Seminar Kepedulian Organisasi Komersial Mengenai Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]	21.11.2019	Perundangan
4	Kursus Pengenalan Kepada Undang-Undang Alam Sekitar: Isu Semasa dan Cabaran	25.11.2019	Penasihat
5	Kursus Taksiran Ganti Rugi dan Kos	25.11.2019	Kehakiman
6	Seminar Lambakan Produk Kecantikan dan Kesihatan di Pasaran – Implikasi dan Hak Pengguna	26.11.2019	Kehakiman
7	Kursus Hibah, Wasiat dan Amanah Dan Probate (Hartanah)	27.11.2019	Kehakiman
8	Seminar Poligami, Hak dan Tanggungjawab Suami Dalam Berpoligami	29.11.2019	Kehakiman
9	Kursus Pengendalian Senjata Api	2.12.2019	Penasihat
10	Seminar Governans, Integriti dan Anti Rasuah yang Berkesan	4.12.2019	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran
11	Seminar Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau – Kawasan Larangan Merokok	4.12.2019	Perundangan
12	Seminar Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak di Malaysia	5.12.2019	Penasihat
13	<i>Seminar On Challenges In Enforcement And Prosecution Of Cyber Terrorism</i>	5.12.2019	Litigasi
14	Bengkel Peranan Pegawai Undang-Undang dalam Persediaan Penggubalan Perundangan	5.12.2019	Perundangan
15	Kursus Punca Kuasa, Perwakilan dan Penurunan Kuasa	6.12.2019	Penasihat
16	<i>Workshop On Preparation of Legal Opinion, Written Submission and Comments (Ulasan) on Legal Issues in Cabinet Paper</i>	6.12.2019	Kehakiman
17	Kursus Keselamatan Maklumat Kerajaan Menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan	12.12.2019	Penasihat

**SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA KURIKULUM (JKKSK)
TAHUN 2019 BAGI PROGRAM LATIHAN ILKAP 2020**

BIL	MESYUARAT	TARIKH	PROGRAM
1	<i>Course On The Law Relating To Sexual Crimes</i>	20.11.2019	Litigasi
2	Seminar Mengenai Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)	21.11.2019	Kehakiman
3	Kursus Penzahiran Dokumen Di Bawah Aturan 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012	21.11.2019	Litigasi
4	Kursus Siasatan dan Pendakwaan bawah Akta Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Cabarannya	22.11.2019	Litigasi
5	Kursus Tatacara Kewangan	25.11.2019	Penasihat
6	Kursus Pendakwaan Jenayah Siber	26.11.2019	Litigasi
7	<i>Course On Electronic Evidence</i>	26.11.2019	Litigasi
8	Seminar Media Sosial: Cabaran dan Penggunaan dalam Organisasi Kerajaan	27.11.2019	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran
9	Kursus Akta Syarikat 2016 [Akta 777]	27.11.2019	Perundangan
10	<i>Course on Statutory Duties and Statutory Powers</i>	28.11.2019	Penasihat
11	Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Dengannya	28.11.2019	Perundangan
12	Kursus Salah Tangkap Dan Salah Tahan oleh Pihak Penguatkuasaan	28.11.2019	Litigasi
13	<i>Workshop On Enforcement of Forfeiture Order</i>	29.11.2019	Litigasi
14	Kursus Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] - Keberkesanan dan Cabaran	2.12.2019	Perundangan
15	Kursus Komprehensif Undang-Undang berkaitan Kanak-Kanak di Malaysia	2.12.2019	Perundangan
16	<i>Workshop On Strategy In Trials and Appeals</i>	4.12.2019	Litigasi
17	Kursus Transgender: Antara Hak Manusia dan Hak Agama	12.12.2019	Penasihat

PELAN STRATEGIK ILKAP 2015-2020

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik ILKAP (JPPSI) bagi Pelan Strategik 2015-2020. JPPSI adalah di bawah penyeliaan Ketua Pengarah ILKAP dan Mesyuarat JPPSI diadakan sebanyak dua (2) kali setahun. JPPSI berperanan sebagai Penyelaras dalam menilai dan mengkaji

semula Pelan Strategik ILKAP berdasarkan pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan.

Mesyuarat JPPSI Bil. 1/2019 telah diadakan pada 28 Jun 2019 bagi tempoh pelaksanaan strategik dari Januari hingga Jun 2019. Manakala, Mesyuarat JPPSI Bil. 2/2019 telah diadakan pada 18 November 2019 untuk tempoh pelaksanaan strategik dari Julai hingga Disember 2019.

LAWATAN PIHAK LUAR

Pada tahun 2019, ILKAP telah menerima sebanyak **12 kunjungan / lawatan** daripada pihak luar yang merangkumi pihak dari dalam dan luar negara. Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP memainkan peranan sebagai urus setia dan pembentang taklimat mengenai ILKAP bagi setiap kunjungan / lawatan berkenaan yang diadakan bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh ILKAP, selain membincangkan potensi kolaborasi dengan ILKAP.

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP bertanggungjawab sebagai peneraju utama dalam memastikan mana-mana pihak luar yang berhasrat untuk melawat dan mengetahui tentang perkhidmatan, bidang tugas, kaedah dan budaya kerja di ILKAP serta membincangkan potensi kolaborasi dengan ILKAP disambut baik dan penyampaian maklumat mengenai ILKAP disampaikan dengan tepat dan efektif.

Antara lawatan daripada pihak luar yang telah diterima oleh ILKAP pada tahun 2019 adalah dua (2) lawatan yang disertai oleh rombongan besar, iaitu yang pertama Lawatan Penanda Aras daripada pihak Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) pada 19 Ogos 2019 yang bertujuan untuk melihat kaedah pembangunan modul kursus di ILKAP. Lawatan berkenaan melibatkan 11 orang pegawai daripada IPPTAR. Manakala yang kedua Lawatan Penanda Aras daripada pihak *Law Development Centre Management Committee (Governing Council) For Republic Of Uganda (LDC Uganda)* yang diadakan pada 25 Oktober 2019, melibatkan 15 orang pihak LDC Uganda dengan disertai oleh Pengerusi LDC Uganda yang merupakan Hakim Mahkamah Agung di Republik Uganda.



Lawatan Penanda Aras daripada pihak IPPTAR
19 Ogos 2019



Lawatan Penanda Aras daripada pihak LDC Uganda
25 Oktober 2019

Senarai dan butiran ringkas bagi **12 kunjungan / lawatan pihak luar ke ILKAP** sepanjang tahun 2019 adalah seperti yang berikut:

Lawatan oleh Pihak dari Dalam Negara ke ILKAP

BIL	PERKARA	TARIKH	TUJUAN
1	Lawatan daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia	23 Januari 2019	Lawatan penanda aras dan mendapatkan maklumat mengenai sistem ICMAS yang digunakan oleh ILKAP.
2	Sesi Taklimat Timbalan Menteri YB Tuan Mohamed Hanipa Maidin	25 Januari 2019	Mengadakan lawatan ke ILKAP sebagai salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.
3	Lawatan daripada Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)	18 Februari 2019	Lawatan penanda aras.
4	Sesi Taklimat Menteri YB Datuk Liew Vui Keong	21 Februari 2019	Mengadakan lawatan ke ILKAP sebagai salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri .
5	Lawatan daripada Institut Penilaian Negara (INSPEN)	26 Mac 2019	Lawatan penanda aras.
6	Lawatan daripada Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)	19 Ogos 2019	Lawatan penanda aras dan melihat pelaksanaan kaedah pembangunan modul kursus di ILKAP.

Lawatan oleh Pihak dari Luar Negara ke ILKAP

BIL	PERKARA	TARIKH	TUJUAN
1	<i>Visit By Team Leader Of European Union Governance Action Formulation Mission In Malaysia</i>	29 April 2019	Membincangkan potensi mengadakan kolaborasi antara pihak European Union (EU) dengan pihak ILKAP.
2	<i>Meeting With H.E. Ambassador Of The Republic Of Uzbekistan To Malaysia</i>	16 Mei 2019	<i>Courtesy Call</i> dan pihak Kedutaan Republik Uzbekistan membincangkan potensi mengadakan kolaborasi dengan pihak ILKAP.
3	<i>Meeting With Representatives From The United Nations Development Programme (UNDP)</i>	14 Oktober 2019	Membincangkan potensi mengadakan kolaborasi antara pihak UNDP dengan pihak ILKAP
4	<i>Meeting With The Law Development Centre Management Committee (Governing Council) For Republic Of Uganda (LDC)</i>	25 Oktober 2019	Menerima Lawatan Penanda Aras oleh pihak LDC.

BIL	PERKARA	TARIKH	TUJUAN
5	Meeting with H.E. Visam Ali, Ambassador of the Republic of Maldives (Malaysia)	1 November 2019	Courtesy Call dan pihak Kedutaan Republik Maldives membincangkan potensi mengadakan kolaborasi dengan pihak ILKAP.
6	Visit By Academy of the Public Administration (Republic Of Uzbekistan) (APA)	3 Disember 2019	Membincangkan potensi mengadakan kolaborasi antara APA dengan pihak ILKAP.

PENERBITAN

Unit Penyelidikan dan Inovasi merupakan peneraju utama dalam penerbitan Buku Program Latihan ILKAP, Buku Laporan Tahunan ILKAP 2018 dan ILKAP E-News Letter (INSIGHT) Bil. 1/2019 dan Bil. 2/2019 yang boleh diakses menerusi laman sesawang ILKAP di pautan: <http://www.ilkap.gov.my/penerbitan.php>

 Laman Rasmi Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan http://www.ilkap.gov.my		
Laman Utama Mengenai ILKAP Direktori Pencapaian Pusat Media		
PENERBITAN		
Bil	Tajuk	Format
1	ILKAP E-News Letter (INSIGHT) Bil. 2-2019	pdf
2	ILKAP E-News Letter (INSIGHT) Bil. 1-2019	pdf
3	Buku Laporan Tahunan 2018	pdf

Laman Sesawang ILKAP – Penerbitan

Selain itu, Unit Penyelidikan dan Inovasi turut berperanan sebagai pihak yang menyelaraskan tindakan penerbitan yang telah dihasilkan oleh lima (5) Kertas Penyelidikan yang merangkumi pelbagai topik yang melibatkan isu dan perundangan semasa di Malaysia, iaitu:

BIL	TAJUK	PENULIS	PROGRAM
1	"Perkahwinan Kanak-Kanak – Suatu Dilema"	• Fariza binti Hamzah • Nazuha binti Mohd Jai • Nurhidayah binti Mohtar	Kehakiman
2	"Kemasukan Artikel Larangan Ke Dalam Penjara: Realiti Atau Ilusi Dan Langkah-Langkah Mengatasi"	• Zalina binti Haji Awang @ Mamat • Ahmad Sanusi bin Haji Yahaya • Noor Ezwanee binti Mohamad • Esah binti Mohd Said	Perundangan

BIL	TAJUK	PENULIS	PROGRAM
4	"Hak Dan Isu Berkaitan Dengan Orang Asli"	• Zurina Binti Mohd • Haslamizan Bin Maliki • Husmarudin Bin Hussin	Penasihat
5	"Mencegah Rasuah: Pendekatan Integriti Dan Tadbir Urus Yang Berkesan"	• Mazlan bin Yahya • Sharifah Nora binti Othman	Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran
6	"Penyeludupan Migran : Dilema Malaysia"	• Saiful Bahari bin Adzmi • Jaizah binti Jaafar Sidek • Hafizah Johor binti Ariff Johor • Ananthi a/p V. Krishnan	Litigasi

Kesemua Kertas Penyelidikan berkenaan boleh diakses menerusi laman sesawang ILKAP di pautan: <http://www.ilkap.gov.my/kertaspenyelidikan.php>



The screenshot shows the official website of ILKAP (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan). The header includes the ILKAP logo and name, along with navigation links: Laman Utama, Mengenai ILKAP, Direktori, Pencapaian, and Pusat Media. The main heading is "KERTAS PENYELIDIKAN ILKAP". Below it is a table listing research papers.

Bil	Tajuk	Tarikh Terbitan	Format
1	Penyeludupan Migran : Dilemma Malaysia	16-12-2019	.pdf
2	Mencegah Rasuah: Pendekatan Integriti dan Tadbir Urus Yang Berkesan	16-12-2019	.pdf
3	Hak dan Isu Berkaitan dengan Orang Asli	16-12-2019	.pdf
4	Kemasukan Artikel Larangan ke Dalam Penjara: Realiti atau Ilusi dan Langkah-Langkah Mengatasi	16-12-2019	.pdf
5	Perkahwinan Kanak-Kanak - Suatu Dilema	16-12-2019	.pdf

Laman Sesawang ILKAP - Kertas Penyelidikan ILKAP

PELAKSANAAN PROGRAM INOVASI

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP turut berperanan sebagai penyelaras Program Inovasi ILKAP. Program inovasi yang dianjurkan adalah dilaksanakan berdasarkan polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk menyemarakkan lagi budaya inovasi di kalangan penjawat awam.

Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2019 contohnya telah mengetengahkan produk inovasi *FAST 8 TWO* yang akan diterapkan dan diguna pakai bagi meningkatkan tahap keseragaman dan memudahkan

Pertandingan Inovasi ILKAP 2019 pula telah memperlihatkan penyertaan sebanyak enam (6) bagi Kategori ICT dan tujuh (7) bagi Kategori Non-ICT dan produk inovasi yang dipertandingkan berkenaan merupakan buah fikiran dan idea kritis daripada warga ILKAP bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan tugas selain menambahkan kepuasan pelanggan dan warga kerja ILKAP secara amnya.

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI INOVASI	TARIKH
1	Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2019	28 Februari 2019
2	Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2019	28 Jun 2019
3	Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (AIJPM) – Produk ILKAP: Sistem Online ILKAP (SOI)	29 Julai 2019
4	Pertandingan Inovasi ILKAP 2019	9 Disember 2019



Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2019



Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2019



Pertandingan Inovasi ILKAP 2019

The background of the image is a dark blue gradient with several flowing, wavy lines in a lighter blue shade. These lines create a sense of movement and depth, resembling liquid or smoke. The text 'UNIT INTEGRITI ILKAP' is centered in the middle of the image, rendered in a bold, white, sans-serif font. The overall aesthetic is modern and professional.

UNIT INTEGRITI ILKAP

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti di agensi awam ditubuhkan berikutan dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 mulai 1 Ogos 2013 ('PP Bil. 6/2013'). Objektif penubuhan Unit Integriti adalah untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan integriti di bawah satu unit khusus supaya ia dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang.

Fungsi Unit Integriti adalah untuk menguruskan hal-hal berkaitan integriti dalam organisasi dengan bertanggungjawab melaksanakan enam (6) fungsi teras yang digariskan dalam PP Bil. 6/2013 seperti yang berikut:

- (a) **Tadbir Urus**
Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
- (b) **Pengukuhan Integriti**
Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- (c) **Pengesanan dan Pengesahan**
 - i. Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan

- ii. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

- (d) **Pengurusan Aduan**
Menerima dan mengambil tindakan terhadap semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- (e) **Pematuhan**
Memastikan pemuatan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (f) **Tatatertib**
Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Unit Integriti juga bertanggungjawab memastikan warga ILKAP mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan warga ILKAP.

Antara aktiviti dan mesyuarat yang dilaksanakan oleh Unit Integriti ILKAP pada tahun 2019 adalah seperti yang berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Penyelarasan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Bil. 1 Tahun 2019, Jabatan Perdana Menteri (JPM) / Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	20 Februari 2019
2	Mesyuarat Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) JPM	26 Februari 2019
3	Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JPM Bil. 1/2019	29 Mac 2019
4	Bengkel Penulisan Laporan SPAN Peringkat JPM dan Agensi 2019	9 – 11 April 2019
5	Lawatan Integriti Siri 1 : "Lawatan Ke Penjara Kajang"	15 April 2019
6	Laporan Unit Integriti Agensi Penggal Pertama 2019 (Januari hingga April 2019)	6 Mei 2019
7	Mesyuarat Isu Keterhutangan Serius Penjawat Awam di Jabatan dan Agensi di bawah JPM Bil. 1/2019	20 Jun 2019
8	Taklimat Integriti Siri 1: "Ceramah Perangi Dadah (AADK)"	26 Julai 2019
9	Mesyuarat JAR ILKAP Bil. 1/2019	22 Ogos 2019
10	Mesyuarat JAR Peringkat JPM dan Agensi Bil. 2/2019	29 Ogos 2019
11	Pelaporan Unit Integriti Agensi bagi Penggal Kedua 2019 (Mei hingga Ogos 2019)	17 September 2019

BIL	AKTIVITI	TARIKH
12	Sesi Taklimat Pengenalan Pelan Antirasuah Organisasi (<i>Organisational Anti-Corruption Plan</i>) (OACP) kepada Ketua-Ketua Unit Intergriti Sektor Awam Siri 1	23 September 2019
13	Pelaporan Unit Integriti Agensi bagi Penggal Ketiga 2019 (September hingga Disember 2019)	23 Disember 2019
14	Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) ILKAP Bil. 2/2019	24 Disember 2019
15	Kata-Kata Motivasi Setiap Bulan	Januari – Disember 2019
16	Info Integriti Bulanan	Januari – Disember 2019
17	Laporan Kedatangan Bulanan	Januari – Disember 2019



Antara Aktiviti Anjuran Unit Integriti ILKAP Tahun 2019

TUNTUTAN PALSU

Tahukah anda?

Seksyen 18 Akta SPRM 2009 menjelaskan "Seseorang melakukan *kesalahan* jika:-

- i. mengemukakan dokumen;
- ii. mengandungi butiran palsu; dan
- iii. untuk memperdayakan prinsipal/jabatan bagi mendapatkan kelulusan"



PERINGATAN

PERATURAN PERATURAN BERKAITAN
8 Januari 19 July 2019 2009
8 Kapan Kapan
8 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Ketentuan & Tindakan) 1907

Penjawat Awam boleh dikenakan tindakan **TATATERTIB** hingga dibuang kerja jika mengemukakan tuntutan palsu.

PEMBUDAYAAN INTEGRITI 7/2019UNIT INTEGRITI ILKAP



WORD OF THE DAY

The best way
to predict
the future
is to create it.
— Peter Drucker



Unit Integriti

ADAKAH ANDA TELAH MENDAPAT **KELULUSAN** KETUA JABATAN SEBELUM KE LUAR NEGARA??

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN & TATATERTIB)
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 2004
SURAT EDARAN JPA (S)187/20 JLD 18(2)

PERATURAN 4(2)(i)
Seseorang Pegawai Tidak Boleh Ingkar Perintah Atau Berkelakuan Dengan Apa-apa Cara Yang Boleh Ditafsirkan Dengan Munasabah Sebagai Ingkar Perintah.

TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN SEBELUM KE LUAR NEGARA :

1. Hendaklah mendapat kelulusan ke Luar Negara daripada Ketua Jabatan dan mendapatkan bimbingan perlindungan insurans kesihatan.
2. Pegawai Awam hendaklah melengkapkan borang permohonan perjalanan Pegawai Awam ke Luar Negara Atas Uraian Persendirian.
3. Pegawai Awam hendaklah mengisi borang Pengesahan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Uraian Persendirian.



PEMBUDAYAAN INTEGRITI 8/2019,
UNIT INTEGRITI ILKAP



Antara Kata-Kata Motivasi dan Info Integriti Bulanan



LAPORAN KHAS

**LAPORAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP) 2019**

TARIKH	AKTIVITI
2 Mac 2019	Hari Keluarga ILKAP 2019 Program ini telah diadakan di A Famosa Resort, Melaka yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah ILKAP dan keluarga. Peserta yang terdiri daripada ahli Kelab ILKAP dan keluarga masing-masing telah menyertai acara sukaneka untuk mengeratkan silaturrahim dan semangat kerjasama sesama warga ILKAP.
8 Mac 2019	Majlis Makan Malam ILKAP 2019 Majlis Makan Malam ILKAP pada tahun 2019 telah diadakan di Hotel Dorsett, Putrajaya dengan bertemakan '<i>Latino Night</i>'. Majlis turut diserikan dengan persembahan band yang terdiri daripada kakitangan ILKAP, sesi karaoke, acara cabutan bertuah dan pertandingan pakaian mengikut tema terbaik.
29 Mac 2019	Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan ILKAP Kali Ke-13 Tahun 2019 Mesyuarat pada kali ke-13 ini diadakan untuk melantik Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan Dan Kebajikan ILKAP bagi Sesi 2019/2021. Dalam mesyuarat ini juga, Laporan Aktiviti Sesi 2017/2019 dan Laporan Kewangan 2018 telah dibentangkan selain daripada membahaskan usul yang dikemukakan oleh ahli Kelab.
16 Mei 2019	Iftar Perdana ILKAP 2019 Iftar Perdana ILKAP telah diadakan di Dewan Utama Demesne, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah ILKAP dan suami serta Ketua-ketua Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Majlis dimulakan dengan sesi berbuka puasa yang diikuti dengan solat Maghrib, Isyak dan solat tarawih secara berjemaah serta sesi penyampaian duit raya kepada anak kakitangan ILKAP.
17 Mei 2019	Majlis Khatam Al-Quran Sempena Ramadhan 2019 Bersempena bulan Ramadhan 1440H/2019M, Kelab ILKAP telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Ramadhan di Surau ILKAP dan Majlis ini telah dihadiri oleh warga ILKAP. Majlis diadakan pada pukul 8.00 pagi, iaitu selepas Majlis Bacaan Yassin. Program ini bertujuan mengimarahkan lagi bulan Ramadhan yang mulia ini.
24 Mei 2019	Ceramah Ihya Ramadhan 1440H/2019M – '<i>Lailatul Qadar vs Raya</i>' Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP telah menganjurkan Ceramah Ihya Ramadhan di Surau ILKAP bertajuk '<i>Lailatul Qadar vs Raya</i>' yang telah disampaikan oleh Ustaz Abu Dardaa Mohamad daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
13 Jun 2019	Sambutan Hari Raya Aidilfitri ILKAP 2019 Sambutan Hari Raya Aidilfitri ILKAP 2019 merupakan acara yang diadakan dan diraikan setiap tahun di ILKAP. Sambutan berkenaan telah diadakan dengan meriahnya di Dewan Makan ILKAP dengan juadah disediakan oleh warga ILKAP berdasarkan pembahagian menu yang pelbagai mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran tetamu kehormat, iaitu Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP termasuklah YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara serta tetamu undangan daripada jabatan/agensi yang lazim berurusan dengan ILKAP.

TARIKH	AKTIVITI
23 Ogos 2019	Sambutan Bulan Kemerdekaan Dan Karnival Sukan Rakyat Peringkat ILKAP 2019 ILKAP telah menganjurkan Sambutan Bulan Kemerdekaan ILKAP 2019 di sekitar kawasan ILKAP. YBhg. Dato' Anita binti Harun, Ketua Pengarah ILKAP telah menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan tersebut setelah nyanyian lagu Negaraku, upacara menaikkan bendera dan bacaan ikrar Rukun Negara oleh seluruh warga ILKAP. Pengisian Sambutan Bulan Kemerdekaan ILKAP 2019 telah dimeriahkan dengan penganjuran Karnival Sukan Rakyat yang mengetengahkan sukan tradisional seperti tarik upih dan sepak raga bulatan
5 Disember 2019	Ceramah Motivasi Bersama Personaliti Dan Aktiviti <i>Back to School</i> Kelab Sukan Dan Kebajikan ILKAP telah menganjurkan Program Ceramah Motivasi Kekeluargaan bertajuk "Cabaran Mendidik Anak Di Era Digital" yang disampaikan oleh YBhg. Dr. Syukri Abdullah dan Pn Khadijah Zakaria. Selesai ceramah, YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah ILKAP juga telah menyampaikan Sumbangan Kasih kepada kakitangan ILKAP yang menghadapi musibah dan Bantuan Kembali Ke Sekolah (<i>Back to School</i>) bagi meringankan beban warga ILKAP menjelang persekolahan tahun 2020.



LAPORAN ILKAP SPEAKER SERIES (ISS) 2019

Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, pada tahun 2019 ini juga, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah berjaya menganjurkan Program ILKAP *Speaker Series* (ISS) tahun 2019 yang bermatlamat memberikan peluang kepada pegawai Kehakiman dan Perundangan, Ahli Parlimen, pembuat dasar, ahli akademik, pengamal undang-undang, pegawai daripada jabatan/agensi/badan berkanun yang berkaitan serta orang awam untuk didedahkan dengan kupasan isu-isu perundangan semasa secara terperinci dan holistik oleh tokoh terkemuka dalam bidang kehakiman dan perundangan.


Program ILKAP Speaker Series tahun 2019 telah diadakan pada 5 April 2019 bertempat di Auditorium ILKAP, Bandar Baru Bangi dan menampilkan YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) sebagai penceramah jemputan dengan tajuk "*Law Reform and Abolishment of Mandatory Death Penalty in Malaysia: The Way Forward*".

Program ISS ini telah mendapat sambutan yang membanggakan dengan kehadiran seramai **223 orang peserta** yang terdiri daripada Pegawai

Kehakiman dan Perundangan, ahli Parlimen, pembuat dasar, ahli akademik, pengamal undang-undang, pegawai daripada jabatan/agensi/badan berkanun yang berkaitan, orang awam, sektor swasta dan pelajar universiti.

Antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong adalah mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] yang boleh dihukum dengan hukuman mati mandatori seperti kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302, kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri di bawah Seksyen 121A dan kesalahan melakukan perbuatan keganasan di bawah Seksyen 130c, Kanun Keseksaan. Beliau turut membincangkan kesalahan-kesalahan lain yang boleh dikenakan dengan hukuman mati jika sabit kesalahan seperti kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37].

Para peserta juga turut didedahkan dengan statistik jumlah banduan yang sedang menunggu hukuman mati di penjara mengikut kategori kesalahan, jantina dan kaum serta statistik jumlah hukuman mati yang telah dilaksanakan mengikut kategori kesalahan.



LAPORAN PROGRAM OUTREACH ILKAP 2019

PENGENALAN

Program ini merupakan satu aktiviti di bawah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Undang-Undang) dan telah dijalankan secara anjuran bersama oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dengan Pejabat Menteri di JPM (Undang-Undang) dan Pejabat Pengarah Negeri Sabah pada 13 April 2019 di Dewan Kompleks Sukan Sandakan, Sabah.

Program ini melibatkan pelbagai jabatan kerajaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah (JPN), Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Mahkamah Sandakan, Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Sabah, Majlis Ugama Islam Negeri Sabah dan Sabah *Law Society*.

OBJEKTIF

Program ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung dengan isu migran di negeri Sabah dan keperluan mewujudkan kerjasama semua pihak dalam memainkan peranan masing-masing bagi membantu kerajaan menangani dan mencari penyelesaian masalah ini.

KANDUNGAN PROGRAM

Skop Program ini menjurus kepada isu dan masalah imigran di Negeri Sabah dan sebanyak tiga sesi forum telah diadakan.

Forum Pertama:

‘Pendaftaran Kelahiran Dan Perkahwinan – Isu Dan Cabaran’

Dalam sesi forum pertama, pelbagai soalan telah dibangkitkan oleh peserta Program ini termasuklah isu yang melibatkan perkahwinan yang dijalankan secara adat ataupun perkahwinan kampung yang tidak berdaftar sehingga menimbulkan masalah pendaftaran kelahiran anak-anak dan masalah untuk mendapatkan kad pengenalan anak yang terlibat.

Pemimpin masyarakat tempatan berpendapat bahawa perkahwinan ini perlu diadakan bagi mengelakkan pemuda-pemudi daripada terjerumus dalam kegiatan maksiat dan tidak bermoral serta untuk menjaga aib keluarga. Selain itu, persoalan mengenai proses mendapatkan surat daftar lewat kelahiran yang memakan masa yang lama turut dibangkitkan dalam sesi forum ini.

Forum Kedua:

‘Kebanjiran Pekerja Asing Di Negeri Sabah – Isu Dan Cabaran’

Dalam sesi forum kedua, isu berkenaan dengan pekerja asing telah dibincangkan oleh ahli panel yang terlibat, selain memberikan jawapan bagi soalan yang dikemukakan oleh peserta termasuklah persoalan tentang masalah pekerja asing yang tidak dibayar gaji oleh majikan, hak mereka di bawah undang-undang buruh dan bagaimana hak tersebut boleh dituntut serta masalah peningkatan kadar jenayah yang melibatkan warga asing.

Forum Ketiga:

‘Sepetang Bersama YB Menteri’

Dalam sesi forum ketiga yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Ketua Pengarah ILKAP, peserta telah membangkitkan masalah kelewatan penerimaan surat beranak lewat daftar dan juga kad pengenalan. Selain itu, para peserta telah diberikan penjelasan tentang usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada rakyat berhubung risiko berkahwin dengan pasangan bukan warganegara.

Amanat YB Datuk Liew Vui Keong yang telah disampaikan oleh Setiausaha Politik beliau dalam Majlis Penutup menegaskan bahawa Kerajaan kini mengambil pelbagai tindakan untuk menangani banjir pekerja asing di Sabah. Antaranya adalah melaksanakan Notis Penolakan Masuk yang bertujuan untuk mengurangkan persaingan pekerja tempatan dengan pekerja asing dalam mendapatkan pekerjaan, sekaligus memberikan lebih peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

LAPORAN PENERBITAN *FACILITATOR'S GUIDE – JUDGES, PROSECUTORS AND LEGAL AID PRACTITIONERS' TRAINING ON FORCED LABOUR*

Penerbitan *Facilitator's Guide – Judges, Prosecutors and Legal Aid Practitioners' Training On Forced Labour (Facilitator's Guide)* adalah hasil kolaborasi unik antara Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dengan International Labour Organisation (ILO) yang terhasil melalui satu inisiatif yang dikenali sebagai *From Protocol to Practice: A Bridge to Global Action on Forced Labour ("Bridge")*.

Tujuan penerbitan *Facilitator's Guide* ini adalah sebagai manual latihan (*training manual*) untuk digunakan oleh ILKAP dalam menyediakan latihan kepada pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, penguat kuasa dan kakitangan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat dengan isu buruh paksa dan pemerdagangan manusia dalam bidang tugas mereka. Mereka ini terdiri daripada hakim, pihak pendakwaan dan pihak yang memberikan bantuan guaman kepada mangsa buruh paksa dan pemerdagangan manusia di Malaysia.

Selain digunakan sebagai rujukan utama semasa latihan, *Facilitator's Guide* ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang isu buruh paksa dan pemerdagangan manusia sebagai satu jenayah yang serius dan merupakan satu bentuk pelanggaran hak asasi manusia di samping hak asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan serta peruntukan undang-undang lain yang berkuat kuasa.


Penerbitan *Facilitator's Guide* ini telah bermula sejak awal tahun 2018 lagi. Selain pakar antarabangsa yang dilantik oleh ILO, iaitu Ms. Archana Kotecha, pihak-pihak yang terlibat dan memberikan input adalah wakil-wakil daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, Mahkamah, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Malaysian Anti-Trafficking in Persons and Smuggling of Migrants Council, Kementerian Dalam Negeri.

Semua pihak berkenaan telah memberikan input dan pandangan masing-masing terhadap draf *Facilitator's Guide* ini dalam beberapa siri *subject matter expert meeting* dan seterusnya dalam *Validation Workshop on Training Module for Legal Aid Service Providers, Prosecutors and Judges on Handling Forced Labour Cases in Malaysia* yang dijalankan di ILKAP pada 11 April 2018.

Ia diakhiri dengan bengkel *Facilitator's Workshop: Forced Labour Training for Legal Practitioners* yang antara lain bertujuan untuk menyelesaikan tindakan pemurnian kandungan *Facilitator's Guide* ini yang telah diadakan pada 26 hingga 28 Jun 2018 di Genting Highlands, Pahang. Semua peserta yang hadir dalam bengkel ini telah memberikan komitmen yang tinggi sehingga terhasilnya *Facilitator's Guide* ini.

Facilitator's Guide ini telah dilancarkan secara rasminya oleh YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah ILKAP semasa *World Day Against Child Labour* yang diadakan di Putrajaya pada 1 Oktober 2019. *Facilitator's Guide* ini juga turut dimuat naik di laman sesawang ILO.

https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---asia/---robangkok/documents/publication/wcms_686734.pdf



LAPORAN AKTIVITI PROGRAM INSTITUT LATIHAN AWAM (ILA) BAGI INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP) 2019

KURSUS KEADILAN JENAYAH: *Nolle Prosecui* – PEMANTAPAN LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

Kursus Keadilan Jenayah: *Nolle Prosecui* – Pemantapan Latihan Kehakiman Dan Perundangan telah diadakan pada 29 April hingga 3 Mei 2019 dan telah diadakan di Institut Tadbiran Awam (INTAN) Kampus Sabah, Kota Kinabalu, Sabah. Kursus ini merupakan salah satu Program Latihan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (ILA) di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dilaksanakan oleh pihak ILKAP sebagai salah sebuah ILA di Malaysia. Tujuan Kursus ini dilaksanakan adalah untuk memastikan kualiti latihan yang relevan dengan melatih dan mendedahkan pegawai dan kakitangan ILKAP supaya menjadi lebih profesional dan mempunyai kepakaran serta kemahiran yang tinggi dalam isu tertentu berkaitan pendakwaan. Kursus ini telah dihadiri oleh 23 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan ILKAP.



KURSUS TEKNIK INTEGRASI LATIHAN PERUNDANGAN DAN PEMANTAPAN PENGUBALAN UNDANG-UNDANG

Kursus Teknik Integrasi Latihan Perundangan dan Pemantapan Pengubalan Undang-Undang untuk pegawai dan kakitangan ILKAP telah diadakan pada 13 hingga 16 Ogos 2019 bertempat di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor. Kursus ini telah dihadiri oleh 25 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan ILKAP.

Kursus ini juga merupakan salah satu Program Latihan Tenaga Pengajar ILA di bawah JPA yang dilaksanakan oleh pihak ILKAP untuk memastikan kualiti latihan yang relevan selain mendedahkan dan meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan ILKAP dalam bidang pengubalan undang-undang.





LAPORAN PENCAPAIAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2018

PENERIMA APC TAHUN 2018

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

JABATAN PERDANA MENTERI



KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- Tn. Isa bin Haji Hassim – Pegawai Undang-Undang (Gred L54)

KUMPULAN SOKONGAN

- Pn. Marina binti Othman – Penolong Pegawai Tadbir (Gred N32)
- Pn. Ananthi A/P V. Krishnan – Penolong Pegawai Undang-Undang (Gred L29)
- Pn. Rosmawati binti Ramly – Setiausaha Pejabat (Gred N29)
- En. Khairul Mustadza bin Md Akhir – Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Gred FA29)
- En. Mohd Faizu bin Razali – Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) (Gred N19)

PENERIMA ANUGERAH PEJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) 2019 (JANUARI – JUN 2019)

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



PN. ZALINA BINTI AWANG @ MAMAT

PEGAWAI UNDANG-UNDANG
(GRED L54)

KUMPULAN SOKONGAN



**EN. AHMAD SUHAIMI SHAH BIN
BADARUDDIN**

PENOLONG AKAUNTAN
(GRED W32)

PENERIMA ANUGERAH PEJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) 2019 (JULAI – DISEMBER 2019)

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



PN. ZURINA BINTI MOHD

PEGAWAI UNDANG-UNDANG
(GRED L54)

KUMPULAN SOKONGAN



PN. NORMILAH BINTI HJ SAMSUNI

PEMBANTU TADBIR (P/O)
(GRED N19)

SIDANG REDAKSI BUKU LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2019

Ketua Sidang Redaksi

Pn. Ainnan Mohd Rasid

Laporan Program Latihan Bahagian Latihan ILKAP

Pn. Noor Ezwanee Mohamed
Program Perundangan

Pn Jaizah Jaafar Sidek
Program Litigasi

Pn. Nazuha Dato' Sri Mohd Jai
Program Kehakiman

Tn. Haslamizan Maliki
Program Penasihat

Pn. Sharifah Nora Othman
Program Pembangunan Kerjaya Dan Pentadbiran

Laporan Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

Pn. Ainnan Mohd Rasid Pn. Salmi Abdur Rahman

Laporan Bahagian Pengurusan ILKAP

Cik Anis Syairah Subki En. Hanif Jamaludin
En. Fariz Rizal Rasdi

Laporan Bahagian Maklumat ILKAP

Pn. Noraini Saidin

Laporan Unit Integriti ILKAP

Pn. Norfarhana Abd Karim

Laporan Khas

Pn. Norhafida Darus
Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP

Pn. Salmi Abdur Rahman
Laporan Program ILKAP Speaker Series (ISS) 2019

Pn. Fariza Hamzah
Program Outreach ILKAP 2019

Pn. Zurina Mohd
Laporan Penerbitan
Facilitator's Guide – Judges, prosecutors and legal aid practitioners' training on forced labour

Tn. Mazlan Yahya
Laporan Program Institut Latihan Awam (ILA) 2019

Laporan Pencapaian

Cik Anis Syairah Subki

Draf Buku Laporan Tahunan ILKAP

Pn. Ainnan Mohd Rasid

Grafik

En. Shahrul Firdaus Mohd Shahiri

Penyunting I

Pn. Faradziah Kasah Pn. Noraini Saidin

Penyunting II

Tn. Hamidun Datuk Haji Abdul Fatah

Penyunting Akhir

Pn. Ainnan Mohd Rasid



Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), JPM

Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: + 603 8924 3400

Faks: + 603 8926 1231

E-mel: ilkap@ilkap.gov.my